

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2015

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cara pengiraan harga RON95 dan RON97 dan kenapakah terdapat perbezaan 20 sen dalam harga RON95 dan RON97 pada 1 Disember 2014. Apakah cukai jualan sebanyak 58 sen per liter telah pun dimasukkan dalam harga jualan RON95 selepas Kerajaan memperkenalkan harga petrol mengikut sistem apungan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua;

Untuk makluman Yang Berhormat, harga RON97, RON95 dan diesel di Malaysia pada masa ini ditentukan melalui kaedah *Automatic Pricing Mechanism* (APM). Melalui kaedah ini, harga runcit ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan komponen-komponen tertentu dalam APM seperti kos produk (MOPS, Alpha dan kadar pertukaran mata wang), kos operasi (pengangkutan, pengedaran dan pemasaran), margin syarikat minyak dan komisen pengusaha stesen minyak. APM juga mengandungi komponen cukai jualan dan subsidi.

2. RON97 ditetapkan pada harga yang lebih tinggi berbanding RON95 memandangkan ianya adalah merupakan produk premium.

3. Di bawah kaedah *managed float* berasaskan APM, harga bulan semasa ditentukan berdasarkan purata MOPS bulan sebelumnya. Harga yang dikenakan ketika ini untuk RON 97, RON 95 dan disel tidak dikenakan cukai jualan.